KALAM INTEGRITI 01/2025

kpkm

# Doa Dipermudahkan Segala Urusan

اللَّهُمَّ لاَ سَهْلَ إِلاَّ مَا جَعَلْتَهُ سَهْلاً،
وَأَنْتَ تَجْعَلُ الحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلاً

"Ya Allah! Tiada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikannya sebagai kemudahan.
Dan Engkaulah yang menjadikan perkara yang sukar itu jika Kamu kehendaki dengan kemudahan."

Ibn Hibban (974), Ibn al-Sunni dalam 'Amal al-Yaum wa al-Lailah (351)
dan al-Baihaqi dalam al-Da'awat al-Kabir (265)

Unit Integriti KPKM | 03-88701542/1289
integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM

1. taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan
2. menjaga imej perkhidmatan awam
3. melaksanakan tugas dengan cekap
4. tidak menggunakan kedudukan awam bagi faedah sendiri
5. jujur dan amanah
6. tidak menggunakan pengaruh / tekanan luar
7. bertanggungjawab serta berintegriti
8. tidak ingkar perintah
9. meletakkan kepentingan awam lebih utama daripada kepentingan sendiri
10. tidak cuai melaksanakan tugas

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA**
**TATAKELAKUAN DAN PENGURUSAN TATATERTIB PEGAWAI AWAM**
**Ceraian UP.7.2.1 Kewajipan Mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam**

MALAYSIA MADANI
Cukup & Terjamin

Unit Integriti KPKM | 03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 03/2025

kpkm

# DADAH BAWA PADAH



Semua warga KPKM diingatkan supaya tidak terlibat dengan sebarang kegiatan berkaitan dadah dan ketum.

Mana-mana yang didapati bersalah boleh dikenakan denda, penjara dan boleh diambil tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja.

**PEMANTAUAN BERKALA DALAM KALANGAN WARGA KPKM AKAN DIADAKAN SECARA MENGEJUT**



**Rujukan:**

1. *Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985*
2. *Akta Racun 1952*
3. *Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]*
4. *MyPPSM Ceraian UP.7.2.4 Larangan Penglibatan Pegawai Awam dalam Penyalahgunaan dan Penagihan Dadah*

Unit Integriti KPKM | 03-88701542/1289
integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

MALAYSIA MADANI | Cukup & Terjamin

kpkm

# RAYA DAH HABIS KE?



Imam Hasan al-Basri berkata:

**Setiap hari yang dilalui tanpa (melakukan) maksiat kepada Allah, ia adalah (dikira) hari raya. Setiap hari yang terisi dengan ketaatan kepada Allah SWT, zikrullah dan syukur, itulah hari raya.**

سلسلة بطاقات شبكة بينونة

Unit Integriti KPKM | 03-88701542/1289
integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

KALAM INTEGRITI 05/2025

# BEKERJALAH!

**"Barangsiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama."**

Riwayat al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (9890) dan al-Tabarani dalam Musnad al-Syamiyyin (3465)

Masih ada waktu untuk kita meluruskan niat dan membiasakan yang betul.

**PEKERJA KESUMA BANGSA**

Unit Integriti KPKM | 03-88701542/1289
integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

MALAYSIA MADANI
Cukup & Terjamin

KALAM INTEGRITI 06/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# BERINTEGRITILAH!

## TIPS UNTUK WARGA KPKM

**Patuh kepada undang-undang**
sentiasa mematuhi peraturan yang berkuat kuasa

**Tiada konflik peribadi**
yang boleh mengganggu tanggungjawab dan tugas

**Akauntabiliti**
bertanggungjawab seseorang atau terhadap sesuatu tindakan

**Berwibawa**
dalam melakukan sesuatu tugas yang sedang dan akan dilakukan

**Jujur dan amanah**
serta tidak mengambil kesempatan untuk kepentingan diri

**Telus**
tidak menyembunyikan apa-apa perkara yang menyalahi peraturan sebagai pegawai awam

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 07/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

## MUSLIM SEJATI:

# MELINDUNGI, BUKAN MENYAKITI

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Daripada Ibnu Umar RA, Rasulullah SAW bersabda:

Seorang muslim itu adalah mereka yang membuatkan muslim yang lain selamat daripada kejahatan lidah dan tangannya.

**Sahih Bukhari, nombor 10**






**UNIT INTEGRITI KPKM**

03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 08/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

PRINSIP RUKUN NEGARA

# KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA



Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan iaitu sentiasa menjaga, memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara, hormat dan patuh kepada undang-undang serta berusaha untuk berbakti kepada negara.

Rujuk: Peraturan 4(1), P.U. (A) 395/1993

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 09/2025

MALAYSIA MADANI | Cukup & Terjamin | kpkm

# PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SEBAGAI PENJAWAT AWAM



## HINDARI DARIPADA:

- Membuat sebarang pernyataan awam tanpa kebenaran
- Menyebar maklumat berbentuk fitnah, hasutan atau berbaur lucah
- Memprovokasi sesuatu yang menyalahi peraturan dan undang-undang
- Membuat ulasan atau pandangan yang tidak menggambarkan prinsip *neutrality* dan *impartiality*

Pelanggaran mana-mana fasal dalam subperaturan 19(1) P.U.(A) 395/1993 boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib sehingga kepada buang kerja di bawah Peraturan 38, P.U(A)395/1993

SUMBER:
CERAIAN UP.7.2.10
PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA
TATAKELAKUAN DAN PENGURUSAN TATATERTIB PEGAWAI AWAM

**UNIT INTEGRITI KPKM**
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 10/2025

MALAYSIA MADANI | Cukup & Terjamin | kpkm

# Tarikh-tarikh PENTING BULAN ذوالحجة ١٤٤٦ه



**29 Mei** — *Awal Zulhijah

**7 Jun** — Hari Raya Aidiladha (10 Zulhijah 1446H)

**8 - 10 Jun** — Hari-hari Tasyrik (11 - 13 Zulhijah 1446H)

** Tarikh ini akan diisytiharkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja*

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

Hadis Muslim, nombor 1977

# LARANGAN MEMOTONG KUKU & RAMBUT BAGI YANG MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN

Daripada Ummu Salamah RA, Rasulullah SAW bersabda:

**Sesiapa yang memIliki haiwan korban untuk disembelih; apabila kelihatan anak bulan Zulhijah, maka janganlah dia mengambil satu apa pun (yakni memotong) daripada rambutnya, mahupun daripada kukunya sehingga dia selesai berkorban.**



UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 12/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
Ceraian U.P 7.2.6 Mengenai Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam

# PEMILIKAN DAN PERISYTIHARAN HARTA

## Semua pegawai KPKM dikehendaki mengisytiharkan harta apabila:

- dilantik ke dalam perkhidmatan awam
- dikehendaki oleh kerajaan
- memperoleh harta tambahan
- melupuskan harta

**Kegagalan membuat perisytiharan harta boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah:**
**Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993]**

***Pegawai KPKM perlu membuat perisytiharan harta pada setiap lima (5) tahun perkhidmatan melalui sistem HRMIS***

**UNIT INTEGRITI KPKM**
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 13/2025

MALAYSIA MADANI | Cukup & Terjamin | kpkm

# *Doa* SEBELUM & SELEPAS BEKERJA

## SEBELUM

اللّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذَا الْعَمَلِ وَخَيْرَ مَا فِيهِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ هَذَا الْعَمَلِ وَشَرِّ مَا فِيهِ إِنَّكَ
عَلىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

**Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kebaikan pekerjaan ini dan segala kebaikan yang ada dalamnya. Dan aku berlindung dengan-Mu daripada keburukan pekerjaan ini dan segala keburukan yang ada dalamnya. Sesungguhnya di atas segala sesuatu itu, Engkaulah yang Maha Berkuasa menentukannya.**

## SELEPAS

اللّهُمَّ إِنِّي أَسْتَوْدِعُكَ عَمَلِي وَنَفْسِي وَتَوَكَّلْتُ
عَلَى الله



**Ya Allah, aku serahkan kepada-Mu pekerjaanku dan jiwa ragaku dan aku bertawakal kepada-Mu.**

**UNIT INTEGRITI KPKM**
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 14/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# KETERHUTANGAN YANG SERIUS

## Pegawai KPKM boleh disifatkan sebagai berada dalam keterhutangan serius jika:




1. agregat hutang / nilai tanggungan tidak bercagar melebihi 10 kali emolumen bulanan
2. seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman tidak dijelaskan dalam tempoh 1 bulan; atau
3. seorang yang bankrap atau pemakan gaji tidak solven (di bawah pengurusan pegawai pemegang harta)



**Mana-mana pegawai yang berada dalam keterhutangan serius boleh dikenakan tindakan tatatertib.**

Semak di sini:



- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.7.2.7
- Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 15/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

Sahih Bukhari, no. 3118

# PENJAWAT AWAM YANG MENGAMBIL RASUAH LEBIH LAYAK KE NERAKA

Daripada Khaulah al-Ansariyah RA, dia berkata:
Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda:

**"Sesungguhnya lelaki (pegawai yang diberikan amanah, kemudian mereka) menguruskan harta Allah* (harta awam) dengan jalan yang tidak benar, maka neraka adalah tempat yang paling layak baginya di akhirat kelak."**



*Harta awam yang dikumpul melalui zakat, cukai dan segala sumber kerajaan yang perlu digunakan untuk kepentingan rakyat

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 16/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm



# LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM
## TERMASUK DALAM MEDIA SOSIAL

SIRI 01

**Pegawai awam tidak boleh secara lisan atau bertulis membuat pernyataan awam yang boleh memudaratkan dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu; dan/ atau memalukan atau memburukkan nama Kerajaan.**



Larangan berkaitan perkara ini dinyatakan secara jelas dalam Peraturan **19(1) dan 19(2)** Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]

### TINDAKAN TATATERTIB

**Tindakan Tatatertib boleh diambil sekiranya pegawai didapati bersalah yang boleh membawa hukuman maksimum sehingga buang kerja, kerana perbuatan tersebut ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan menjejaskan imej perkhidmatan awam.**

Bersambung ...

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 17/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

## TERMASUK DALAM MEDIA SOSIAL

SIRI 02



Peraturan 19(1) menyatakan bahawa seseorang pegawai awam tidak boleh secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:

- membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;
- membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.



Tindakan Tatatertib boleh diambil sekiranya pegawai didapati bersalah yang boleh membawa hukuman maksimum **sehingga buang kerja**, kerana perbuatan tersebut ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan menjejaskan imej perkhidmatan awam.




UNIT INTEGRITI KPKM

1542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 18/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM
## TERMASUK DALAM MEDIA SOSIAL

SIRI 03

**Peraturan 19(2) menyatakan bahawa seseorang pegawai awam tidak boleh secara lisan atau bertulis tanpa kebenaran bertulis YB Menteri:**

1. membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;





2. memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi Kerajaan;

3. memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau






4. menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

kpkm

# Buatlah Kebaikan

Daripada Abdullah bin
Amru bin al-Ash RA:

Seorang lelaki bertanya
kepada Rasulullah SAW:

**Apakah ajaran Islam
yang lebih utama?**

Sabda Rasulullah SAW:

تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلاَمَ
عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ




**Kamu memberi makan dan
memberi salam kepada sesiapa
yang kamu kenali dan tidak kenal.**



Sahih al-Bukhari (1/71-72) No. 12
dan Muslim (1/75) No. 39

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 20/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# Kewajipan **Mematuhi** Peraturan-Peraturan Pegawai Awam

SEMUA PEGAWAI AWAM HENDAKLAH MEMATUHI PERATURAN 4 P.U.(A) 395/1993 BAGI MEMASTIKAN KOMITMEN DAN DASAR KERAJAAN DALAM MENINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN CEPAT, CEKAP DAN BERKESAN.



## PENYELIA DAN KETUA JABATAN

Penyelia dan Ketua Jabatan bertanggungjawab **menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib** ke atas pegawai bawahannya dan melaporkan sebarang pelanggaran tatakelakuan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk diambil tindakan.

## TANGGUNGJAWAB PENYELIA & KETUA JABATAN TERHADAP KAWALAN & PENGAWASAN TATATERTIB

Penyelia dan Ketua Jabatan bertanggungjawab **memastikan setiap pegawai di bawah seliaan** masing-masing untuk memahami, menghayati dan mematuhi peringatan dan penjelasan yang ditetapkan dalam Ceraian ini ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam.

Penyelia dan Ketua Jabatan juga adalah bertanggungjawab untuk **menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib** ke atas pegawai dan **melaporkan sebarang pelanggaran** tatakelakuan, aku janji atau peraturan yang berkuat kuasa kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk diambil tindakan tatatertib.

**Penyelia dan Ketua Jabatan yang gagal** menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya hendaklah **disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan boleh dikenakan tindakan tatatertib**, di bawah Peraturan 3C, P.U.(A) 395/1993.

**UNIT INTEGRITI KPKM**

03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 21 /2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# Doa Nabi Yunus AS

## KETIKA MEMOHON KEAMPUNAN ALLAH SWT:

لَا إِلَٰهَ إِلَّا أَنتَ
سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

"Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri".

Surah al-Anbiya' ayat 87

UNIT INTEGRITI KPKM
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 22/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# Rahsiakan
# **RAHSIA** KERAJAAN

MEMBOCORKAN MAKLUMAT/DOKUMEN TERPERINGKAT DAN RAHSIA KERAJAAN **BOLEH** DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB SEHINGGA **BUANG KERJA.**



**Kesalahan mendedahkan rahsia kerajaan adalah tidak menepati kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan**

Perbuatan ini boleh disifatkan sebagai gagal mematuhi P.U.(A) 395/1993 dan melanggar peraturan:

- 4(2)(f): Tidak jujur atau tidak amanah
- 4(2)(g): Tidak bertanggungjawab
- 4(2)(i): Ingkar perintah

**UNIT INTEGRITI KPKM**
03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KALAM INTEGRITI 23/2025

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

kpkm

# Rezeki & Berkat

## KAITANNYA MENURUT AL-QURAN

*"Dan sekiranya ahli sesuatu tempat itu beriman dan bertaqwa, maka kami akan buka bagi mereka keberkatan dari langit dan bumi."*

(Surah Al-A'raf: 96)



### MELAZIMI TAQWA

Orang mukmin yang berusaha ke arah taqwa akan dibuka baginya keberkatan langit.

### MENJAGA SOLAT

Mereka yang sentiasa menjaga solat serta mengajak ahli keluarga menunaikan solat juga berupaya dipermudahkan rezeki oleh Allah.



*"Dan perintahkanlah keluargamu untuk mengerjakan solat, dan hendaklah kamu bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu."*

(Surah Taha: 132)

*"Sehingga aku berkata (kepada mereka): "Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Ia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), Ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu; dan Ia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Ia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya)."*

(Surah Nuh: 10-12)

### ISTIGHFAR

Amalan melazimi istighfar juga dikatakan mempunyai kesan terhadap rezeki.



### BERSEDEKAH

Amalan bersedeqah turut membantu dalam membuka pintu rezeki seseorang.



*"Dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki".*

(Surah Saba': 39)

**UNIT INTEGRITI KPKM**

03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI

# PEMATUHAN TERHADAP

## PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U. (A) 395/1993]

Taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan

Mematuhi peraturan dan arahan Kerajaan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka

Tidak dibenarkan membuat kenyataan awam seperti menyebarkan maklumat palsu, berunsur fitnah, provokasi atau tidak disahkan kebenarannya, menerbitkan artikel, atau menyebarkan maklumat secara lisan atau bertulis, termasuk di media sosial, berkaitan dengan dasar Kerajaan, maklumat dalaman jabatan, atau isu-isu yang boleh menimbulkan keraguan atau persepsi negatif terhadap kewibawaan Perkhidmatan Awam.

Mengekalkan kedudukan berkecuali dalam mana-mana parti politik termasuk memakai lambang, memegang jawatan politik, atau menjalankan kempen, kecuali dengan kebenaran dalam kes-kes tertentu

*Peringatan ini berdasarkan Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 23 Julai 2025*

*Sebarang pelanggaran terhadap tatakelakuan boleh dikenakan tindakan tatatertib, dan pegawai boleh dikenakan hukuman amaran, denda, lucut hak emolumen, tahan kerja, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja, bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan.*

KALAM INTEGRITI SIRI 24 || UNIT INTEGRITI KPKM

03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

# Doa

## DIJAUHKAN DARIPADA MELAKUKAN MAKSIAT

اللَّهُمَّ اقْسِمْ لَنَا مِنْ خَشْيَتِكَ مَا تَحُولُ بَيْنَنَا
وَبَيْنَ مَعَاصِيكَ، وَمِنْ طَاعَتِكَ مَا تُبَلِّغُنَا بِهِ
جَنَّتَكَ، وَمِنَ اليَقِينِ مَا تَهُونُ بِهِ عَلَيْنَا
مَصَائِبَ الدُّنْيَا



*Ya Allah,*

kurniakanlah kepada kami sebahagian daripada rasa takut kepada-Mu yang dapat mencegah kami daripada melakukan maksiat kepada-Mu. Jadikanlah untuk kami sebahagian daripada ketaatan kepada-Mu yang dapat menyampaikan kami ke syurga-Mu.



03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

# 11 Larangan Mutlak

## Dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam

*Peraturan 4A*
**Gangguan Seksual**

*Peraturan 7*
**Menyalahguna Dadah**

*Peraturan 9*
**Memberi/Menerima Keraian**

*Peraturan 11*
**Menyenggara Taraf Hidup Melebihi daripada Emolumen Rasmi & Pendapatan Persendirian yang Sah**

*Peraturan 13*
**Keterhutangan Kewangan yang Serius**

*Peraturan 15*
**Meminjamkan Wang Dengan Faedah**

*Peraturan 16*
**Penglibatan dalam Pasaran Niaga Hadapan**

*Peraturan 17*
**Cabutan Bertuah dan Loteri**

*Peraturan 18*
**Penerbitan Buku Berdasarkan Maklumat Terperingkat**

*Peraturan 23*
**Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti/Kebenaran/ Sebab Yang Munasabah**

*Peraturan 20*
**Menyunting Akhbar/Majalah/Jurnal**


03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI | Cukup & Terjamin

# *Doa Nabi Musa*

## MEMOHON LIMPAHAN REZEKI

رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنزَلْتَ إِلَيَّ
مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ

*Wahai Tuhanku,*

**sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan.**

*:: Surah al-Qasas ayat 24 ::*

Menurut Sheikh Ali Jum'ah:
Para ulama berpendapat, sesiapa yang mengamalkan doa ini 100 kali setiap hari akan dikurniakan rezeki yang luas seperti yang Allah kurniakan kepada Nabi Musa AS.

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI
Cukup & Terjamin

# TETAPLAH BERBUAT BAIK

خَيْرَكَ وَشَرُّكَ دَيْنٌ
سَتَرُدُّهُ الْحَيَاةُ يَوْمًا

**Kebaikan dan kejahatanmu adalah hutang. Hidup pasti akan membalasnya suatu hari nanti.**

|| Syair Arab ||

Nilai Untuk Dikongsi: ***Setiap perbuatan baik atau buruk akan dibalas, cepat atau lambat, sama ada di dunia atau akhirat.***


03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI · Cukup & Terjamin



# *Tip* PERGAULAN DI TEMPAT KERJA

1. Elakkan daripada berdua-duaan
2. Jaga aurat dan pakaian
3. Elak bersembang hal peribadi tanpa keperluan
4. Jaga pandangan
5. Elakkan sentuhan fizikal
6. Bataskan masa untuk komunikasi
7. Gunakan bahasa dan nada yang sopan, profesional
8. Sentiasa perbaharui niat — bekerja kerana Allah, cari rezeki halal








03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI — Cukup & Terjamin

# Doa Nabi Adam

## MEMOHON DIAMPUNKAN DOSA

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ
لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

*Wahai Tuhan kami,*

**kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi.**

*:: Surah al-Aa'raf ayat 23 ::*

Doa ini sesuai dijadikan peringatan rohani untuk warga KPKM agar sentiasa memohon keampunan dan menjaga amanah kerja.


03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI | Cukup & Terjamin

# MAKLUMAN

*Mahu laporkan apa-apa salah laku warga KPKM?*



*Ada maklumat yang perlu UI ambil tahu?*

## Gunakan e-mel aduan rasmi yang baharu untuk sebarang makluman.

## aduan.ui@kpkm.gov.my


03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI | Cukup & Terjamin

# *Doa Nabi Isa AS*
# MEMOHON REZEKI

ٱللَّهُمَّ رَبَّنَآ أَنزِلْ عَلَيْنَا مَآئِدَةً مِّنَ ٱلسَّمَآءِ تَكُونُ لَنَا عِيدًا
لِّأَوَّلِنَا وَءَاخِرِنَا وَءَايَةً مِّنكَ ۖ وَٱرْزُقْنَا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ

*Wahai Tuhan kami,*

*Turunkanlah kiranya kepada kami satu hidangan dari langit, untuk menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi kami yang ada hari ini dan bagi orang-orang kami yang datang kemudian, dan sebagai satu tanda (mukjizat) daripada-Mu (yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaan-Mu); dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik Pemberi rezeki*

*:: Surah al-Maaidah ayat 114 ::*

**Doa ini sesuai diamalkan untuk memohon rezeki yang melimpah, tidak pernah putus, dan boleh dinikmati oleh diri serta keturunan.**



03-88701542/1289 | aduan.ui@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI

# Doa Memohon
# HUJAN BERHENTI

اللَّهُمّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا

اللَّهُمَّ عَلَى الْآكَامِ وَالْجِبَالِ وَالظِّرَابِ

وَبُطُونِ الْأَوْدِيَةِ وَمَنَابِتِ الشَّجَ

*Wahai Tuhan kami,*

*turunkanlah hujan di sekitar kami, bukan yang akan memudaratkan kami.*
*Ya Allah, turunkanlah hujan ke dataran tinggi, anak bukit, perut lembah, dan tanah-tanah yang menumbuhkan pepohonan.*

*:: Hadis ini diriwayatkan oleh*
*al-Bukhari dan Muslim ::*

**Doa ini boleh diamalkan dan dibaca beramai-ramai supaya tidak berlaku bencana banjir.**


03-88701542/1289 | aduan.ui@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

# 7 KESALAHAN UTAMA DALAM PEROLEHAN AWAM

SUMBER:

IMBAS SINI

## 01



PEROLEHAN PADA HARGA TIDAK MUNASABAH

## 02

PEMBEKALAN YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI



## 03



PEMBAYARAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR

## 04

PENGGUNAAN 'ORANG TENGAH' DALAM URUSAN PEROLEHAN



## 05



PEROLEHAN SECARA PECAH KECIL

## 06

PENERIMAAN HADIAH OLEH PENJAWAT AWAM



## 07



CAMPUR TANGAN LEGISLATIF ATAU 'WAHYU'

Kalam Integriti Siri 34
Oleh: Unit Integriti KPKM

03-88701542/1289 |
aduan.ui@kpkm.gov.my |
sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI  Cukup & Terjamin

# *Doa Nabi Nuh AS*

## DITEMPATKAN DI TEMPAT YANG BAIK

وَقُل رَّبِّ أَنزِلْنِى مُنزَلًا مُّبَارَكًا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْمُنزِلِينَ ٢٩

*Dan berdoalah dengan berkata:*

*Wahai Tuhanku, turunkanlah daku di tempat turun yang berkat, dan Engkau adalah sebaik-baik Pemberi tempat.*

*:: Surah al-Mukminun ayat 29 ::*

**Doa ini sesuai diamalkan supaya kita sentiasa mendapat tempat yang baik sama ada tempat tinggal, tempat kerja, tempat belajar dan sebagainya serta mudah-mudahan kita mendapat keberkatan.**


03-88701542/1289 | aduan.ui@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI

PERINGATAN KPPA

SCAN ME

## KEWAJIPAN MENJAGA TATAKELAKUAN BAGI MENJAGA NAMA BAIK PERKHIDMATAN AWAM

# 3 KESALAHAN BERAT YANG MESTI DIELAKKAN OLEH PENJAWAT AWAM

## 01

### HUBUNGAN SULIT ATAU KHALWAT

Sebarang bentuk perbuatan berdua-duaan atau berada bersama antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat tersorok atau tertutup sehingga menimbulkan syak serta berpotensi membawa kepada perlakuan tidak bermoral.



## 02

### GANGGUAN SEKSUAL



Sebarang bentuk gangguan seksual, sama ada secara lisan, isyarat, visual, psikologi, atau fizikal.

## 03

### HUBUNGAN SONGSANG SESAMA JENIS

Penglibatan dalam hubungan terlarang yang melibatkan homoseksual atau lesbian.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI — Cukup & Terjamin

# Doa Nabi Ibrahim AS

## MEMOHON HIKMAH & SYURGA

رَبِّ هَبْ لِيْ حُكْمًا وَّاَلْحِقْنِيْ بِالصّٰلِحِيْنَۙ ﴿٨٣﴾

وَاجْعَلْ لِّيْ لِسَانَ صِدْقٍ فِى الْاٰخِرِيْنَۙ ﴿٨٤﴾

وَاجْعَلْنِيْ مِنْ وَّرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيْمِ ﴿٨٥﴾

Surah Al-Syu'ara ayat 83–85

*Wahai Tuhanku, berikanlah daku ilmu pengetahuan agama, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh;*

*Dan jadikanlah bagiku sebutan yang baik (nama yang harum) dalam kalangan orang-orang yang datang kemudian;*

*Dan jadikanlah daku dari orang-orang yang mewarisi Syurga Naiim.*

***Marilah kita jadikan doa ini sebagai amalan, agar hidup kita sentiasa terpimpin oleh hidayah Allah, dikenang dengan kebaikan, dan akhirnya dikumpulkan bersama para salihin dalam Syurga.***

PERINGATAN KPPA

SCAN ME

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**KEWAJIPAN MENJAGA TATAKELAKUAN BAGI MENJAGA NAMA BAIK PERKHIDMATAN AWAM**

# 3 IMPAK SALAH LAKU KEPADA PERKHIDMATAN AWAM

**Penglibatan pegawai awam dalam salah laku Hubungan Sulit atau Khalwat, Gangguan Seksual dan Hubungan Songsang Sesama Jenis berpotensi mengakibatkan:**

## Kepercayaan rakyat terhakis



Rakyat meletakkan harapan tinggi kepada pegawai awam sebagai golongan yang berintegriti. Salah laku moral peribadi pegawai akan dilihat sebagai kegagalan institusi Kerajaan dalam menerapkan nilai murni.

## Persepsi negatif dan viral



Dalam era teknologi maklumat, berita mengenai salah laku pegawai awam seperti tangkapan khalwat atau salah laku seksual tersebar dengan pantas. Penularan pantas ini mengundang cemuhan masyarakat yang melabelkan keseluruhan perkhidmatan awam sebagai tidak bermoral ibarat "akibat nila setitik rosak susu sebelanga"

## Hilang wibawa



Seseorang pegawai yang terpalit dengan skandal moral hilang wibawa dan kredibiliti untuk memimpin, menguatkuasakan undang-undang atau melayani masyarakat, sekaligus menjejaskan penyampaian perkhidmatan.



03-88701542/1289 | integriti@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI | Cukup & Terjamin



# MASA BERLALU BEGITU PANTAS

Hadis Riwayat al-Bukhari No. 1036

Nabi Muhammad SAW bersabda:

لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يُقْبَضَ العِلْمُ،
وَتَكْثُرَ الزَّلاَزِلُ، وَيَتَقَارَبَ الزَّمَانُ،
وَتَظْهَرَ الفِتَنُ، وَيَكْثُرَ الهَرْجُ

Tidak akan berlakunya Kiamat sehingga diangkat ilmu, banyaknya berlaku gempa, masa berlalu dengan pantas, terzahirnya fitnah-fitnah dan banyaknya pembunuhan.

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI

Cukup & Terjamin

# Hijrah ke arah terbaik

Nabi Muhammad SAW bersabda:

أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ الإِسْلاَمَ يَهْدِمُ مَا كَانَ قَبْلَهُ؟ وَأَنَّ الْهِجْرَةَ
تَهْدِمُ مَا كَانَ قَبْلَهَا؟ وَأَنَّ الْحَجَّ يَهْدِمُ مَا كَانَ قَبْلَهُ؟

Tidakkah engkau tahu bahawa Islam menghapuskan dosa-dosa yang sebelumnya? Dan sesungguhnya hijrah menghapuskan dosa-dosa yang sebelumnya? Dan sesungguhnya haji menghapuskan dosa-dosa yang sebelumnya?

*:: Hadis Riwayat Muslim No. 121 ::*



**Mari kita jadikan tahun 2026 bukan sekadar peralihan masa, tetapi perubahan jiwa, akhlak dan arah hidup menuju reda-Nya.**


03-88701542/1289 | aduan.ui@kpkm.gov.my | sart.kpkm.gov.my